

Newspaper	Berita Harian
Date	15 March 2016

FELDA tingkat kuasa ekonomi peneroka

BH-15/3/2016

» *Usaha perkasa perjuangan perlu diteruskan untuk generasi akan datang*

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

FELDA perlu terus memacu kemajuan dan pembangunan supaya menjadi penjana kuasa sosioekonomi peneroka, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, segala usaha yang digarap pemimpin terdahulu dalam membangunkan FELDA tidak

sewajarnya terhenti, sebaliknya memerlukan kesinambungan untuk manfaat generasi seterusnya.

"Kejayaan anak FELDA sehingga kini adalah hasil keingat pemimpin yang memperjuangkan konsep membangunkan Bumiputera dan peneroka sejak 59 tahun lalu.

Perjuang visi, misi FELDA

"Namun, tidak mungkin cerita FELDA nak berakhir pada tahun 2016. Kita tidak patut ada noktah dalam perjalanan ini kerana visi dan impian kita merentasi generasi 50 tahun akan datang.

"Justeru, kita nak FELDA jadi penjana kuasa sosioekonomi," katanya ketika melancarkan Pertubuhan Kami Anak FELDA (KAF) di Menara FELDA, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana

Menteri, Datuk Razali Ibrahim; Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Presiden KAF, Fakhruddin Mohd Habib.

KAF adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang diwujudkan sebagai wadah baharu kepada generasi FELDA berumur 35 tahun ke atas untuk membantu memperkasakan FELDA.

Najib turut meluangkan masa melancarkan *Buku Kesejahteraan Adiwangsa FELDA*, iaitu sebahagian usaha memacu dan memangkin pencapaian lima teras aspirasi FELDA Global.

Dua lagi pelancaran yang berlangsung pada majlis sama adalah Tabung Kemanusiaan Persatuan Wanita FELDA (WADA)-Kemboja dan Program Prihatin Jantung Anda.

Perdana Menteri berkata, beberapa perkara dibincang-

kan dengan pengurusan kanan FELDA mengenai hala tuju, termasuk kemudahan dan bantuan kewangan kepada peneroka.

"Selama sejam saya bincang dengan pengurusan FELDA, antaranya berkaitan pinjaman baik pulih rumah peneroka.

Tawar skim terbaik

"Setakat ini, sebanyak RM1.14 bilion dalam bentuk pinjaman tanpa faedah diluluskan kepada 41,429 keluarga peneroka, iaitu skim terbaik di dunia yang tidak ditawarkan mana-mana bank.

"Segala kemudahan ini dinikmati masyarakat FELDA kerana perjuangan dan usaha pemimpin yang baik," katanya dalam nada sinis ketika membidas tohmahan segelintir pihak terhadap kerajaan mutakhir ini.

Terdahulu, Mohd Isa dalam ucapannya berkata, menerusi pelancaran program Prihatin Jantung Anda, kakitangan Institut Jantung Negara (IJN) akan menjelajah di seluruh kawasan tanah rancangan FELDA.

Program pemeriksaan kesihatan keluarga peneroka itu, katanya, dijalankan mulai semalam hingga 2017.